



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

**SOALAN-SOALAN LAZIM  
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN (LOJI YANG MENGEHENDAKI PERAKUAN  
KELAYAKAN) 2024**

**(Dikemaskini pada: 18 Mei 2024)**

### **Soalan 1**

***Bagaimanakah suatu loji yang menghendaki perakuan kelayakan layak mendapat perakuan kelayakan setelah pemeriksaan berkala dijalankan?***

#### **Jawapan**

Perakuan kelayakan **akan dikeluarkan** bagi loji yang **mematuhi** semua kehendak berkaitan loji di bawah Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan standard yang diiktiraf.

### **Soalan 2**

***Apakah peruntukan berkaitan ujian tekanan di bawah peraturan Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 bagi bejana tekanan atau dandang stim?***

#### **Jawapan**

Keperluan untuk dikenakan ujian tekanan kepada bejana tekanan atau dandang stim adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat verifikasi reka bentuk yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah seperti mana yang dijelaskan dalam peraturan 4(1)(k).

### **Soalan 3**

***Apakah peruntukan berkaitan ujian beban (load test) dalam Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 bagi jentera mengangkat?***

#### **Jawapan**

Keperluan untuk dikenakan ujian beban kepada jentera mengangkat adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat verifikasi reka bentuk yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah seperti mana yang dijelaskan dalam peraturan 4(1)(k) dan syarat-syarat pengeluaran perakuan kelayakan di bawah peraturan 5(2)(d).

#### **Soalan 4**

***Siapakah pihak yang dibenarkan dalam peraturan ini untuk menyaksikan ujian tekanan dan mengeluarkan laporan ujian tersebut?***

#### **Jawapan**

Kehendak berhubung ujian tekanan ke atas dandang stim atau bejana tekanan, dinyatakan dalam Bahagian 1, perkara 24 Jadual Kesembilan. Pihak yang dibenarkan menyaksikan ujian tekanan dan mengeluarkan laporan ujian adalah, Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa sepertimana disenaraikan dalam Jadual Pertama peraturan ini.

#### **Soalan 5**

***Apakah peruntukan berhubung dengan asas tapak bagi pemasangan loji yang menghendaki perakuan kelayakan?***

#### **Jawapan**

- a) Mengikut peraturan 4(1)(l), kren menara dan pengangkat penumpang perlu dijalankan pemeriksaan asas tapak, integriti struktur dan integriti komponen oleh orang kompeten dan perlu dinyatakan jenis-jenis ujian yang dijalankan sebagaimana butiran dalam Jadual Kesembilan.
- b) Manakala peraturan 4(1)(h) adalah satu peruntukan umum untuk memberi kewajipan kepada mana-mana orang yang ingin memasang loji yang menghendaki perakuan kelayakan memastikan asas tapak di reka bentuk dan di bina dengan memuaskan untuk menyokong dan menahan beban yang dikenakan ke atasnya.
- c) Jika terdapat kehendak khusus bagi loji tertentu yang mewajibkan suatu asas tapak perlu di reka bentuk oleh jurutera bertauliah, ianya akan dinyatakan dalam surat verifikasi reka bentuk dan syarat pemasangan loji (PTI) oleh Ketua Pengarah.

#### **Soalan 6**

***Bagaimanakah kaedah permohonan untuk mendapatkan kelulusan bertulis bagi pemasangan loji (PTI)?***

#### **Jawapan**

Jabatan telah menetapkan kaedah permohonan kelulusan bertulis bagi pemasangan loji (PTI) adalah melalui perkhidmatan dalam talian iaitu sistem MyKKP.

### **Soalan 7**

***Bagaimanakah notifikasi untuk pembaikan dan pengubahan loji yang menghendaki perakuan kelayakan boleh dibuat?***

#### **Jawapan**

##### **Pembaikan**

Pemunya atau penghuni perlu membuat notifikasi melalui sistem MyKKP sebelum menjalankan kerja-kerja pembaikan ke atas mana-mana loji yang menghendaki perakuan kelayakan dan pembaikan tersebut hanya boleh dijalankan oleh orang kompeten sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 9.

##### **Pengubahan**

Pemunya atau penghuni perlu membuat notifikasi dengan mengemukakan suatu permohonan melalui sistem MySKUD bagi tujuan mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah dan pengubahan hanya boleh dilakukan oleh mana-mana pihak yang dinyatakan dalam surat kelulusan sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 11.

### **Soalan 8**

***Adakah lanjutan perakuan kelayakan “sehingga 3 bulan” & “lebih daripada 3 bulan dan sehingga 21 bulan” sepertimana di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 masih diteruskan?***

#### **Jawapan**

Tiada peruntukan bagi lanjutan perakuan kelayakan dalam Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

### **Soalan 9**

***Adakah terdapat perubahan terhadap takrifan bejana tekanan tak berapi (BTTB) di dalam Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024***

#### **Jawapan**

Peraturan ini memperkenalkan terma “bejana tekanan” yang pengertiannya termasuk bejana tekanan berapi (*pressure vessel*) dan bejana tekana tidak berapi (*unfired pressure vessel*).

### **Soalan 12**

***Bagaimanakah menentukan fi pemeriksaan di bawah seksyen 27D dan pemeriksaan berkala bagi dandang stim yang dipasang penjimat haba (economiser) dan pemanas lampau (superheater)?***

#### **Jawapan**

Penentuan fi pemeriksaan di bawah seksyen 27D dan pemeriksaan berkala adalah jumlah mengikut keadaan di bawah :

- a) Dandang stim: berdasarkan kepada keluasaan permukaan pemanasan.
- b) Satu atau lebih penjimat haba (*economiser*) yang dipasang pada dandang stim adalah sebanyak RM 300.
- c) Satu atau lebih pemanas lampau (*superheater*) yang dipasang pada dandang stim adalah sebanyak RM 300.

### **Soalan 14**

***Adakah pemeriksaan dalaman perlu dilakukan untuk bejana tekanan bagi tujuan penyimpanan seperti sphere tank dan bullet tank yang mengandungi bahan kimia berbahaya, mudah terbakar dan mudah meletup?***

#### **Jawapan**

Ya, semua keperluan perlu dipatuhi. Walau bagaimanapun, bejana tekanan yang di reka bentuk untuk tidak tertakluk pada pemeriksaan secara dalaman, pemunya atau pemilik hendaklah mematuhi keperluan peraturan 6(2)(d).

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

**Kementerian Sumber Manusia**

**18 Mei 2024**